

JAMBATAN
June 30, 2010
chedet.co.cc

1. Di laporkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Iskandar, Sultan Johor telah bertitah bahawa baginda suka untuk melihat jambatan menggantikan tambak Johor.
2. Demikian juga dititah oleh Al-Marhum Sultan Iskandar bahawa baginda hendak tambak Johor diganti dengan jambatan.
3. Saya tidak pernah dengar rakyat Johor kecuali seorang yang bersetuju kekalkan tambak dan kesesakan lalulintas di Johor Bahru kerananya. Demikian juga saya tidak dengar bantahan oleh rakyat Malaysia terhadap projek jambatan mengganti tambak Johor ini.
4. Terdapat juga surat daripada Perdana Menteri Singapura yang dahulu - Goh Chok Tong yang disiarkan oleh Kerajaan Singapura dalam buku "Water Talks - If Only It Could" bahawa beliau tidak membantah pembinaan jambatan di perairan Malaysia jika itu dikehendaki oleh Kerajaan Malaysia.
5. Yang menolak pembinaan jambatan ini hanyalah Perdana Menteri Malaysia yang ke-5 yang mendakwa rakyat Johor tidak mahu jambatan ini walaupun 3 hari sebelum kenyataan ini dibuat Timbalan Perdana Menteri ketika itu, iaitu Perdana Menteri ketika ini, telah mengesahkan bahawa Jambatan berkenaan tetap akan dibina.
6. Soal yang ditanya oleh ramai kepada saya, dan saya yakin yang tertanya-tanya oleh majoriti rakyat ialah kenapakah Dato Seri Najib sebagai Perdana Menteri yang penuh berkuasa tidak sanggup meneruskan pembinaan jambatan ini? Apakah beliau terikat janji dengan PM ke-5? Apakah status janji ini?
7. Dengan itu banyaklah tuduhan-tuduhan di buat yang mungkin akan memedihkan telinga pihak yang berkenaan.
8. Walaupun pemimpin UMNO Johor telah ikrar mereka akan terus sokong BN tetapi di kalangan pengundi berbilang kaum ramai yang kurang percaya akan kewibawaan Kerajaan dan belum membuat keputusan berkenaan siapa pilihan mereka. Dan NGO-NGO Melayu di seluruh negara juga berpendirian yang sama.
9. Saya tulis berkenaan jambatan untuk ganti tambak Johor kerana saya percaya rakyat ingin tahu dan berhak diberitahu.

79 Comments

By NOM AirbusAuthor Profile Page on July 1, 2010 7:12 PM

Ravi

Your idea to have 1-1 between TMM and TAB on telly is absolute stupid. Can you have a reason and

agenda for this purposes as both the Ex - PM now no longer in power . I only see you are trying to split the malay again . Ravi why didn't you think about the topic discussed and not be another ungratefull person living in Malaysia.

The topic is the bridge and nothing else. Why not support the idea and maybe someday you or your Malaysian child will travel on them?? Tell me are you almost always flying to Singapore all the time??

I see the point of Jeng3 is making.

By checkerAuthor Profile Page on July 1, 2010 6:06 PM

Salam Tun & respectable CheDet's fellow bloggers

Dengan izin... Ravi tu memang bencikan Tun sekmo hinggak tak siuman fikiran.

Hanya satu yang akan menentukan kebenaran ... ALLAH yang Maha Agung.

Kepada setiap insan yang lemah REMEMBER: The best policy to adopt is "Everyone of us irrespective of position, can and will be able to do the best in their job as assigned, IF ONLY HE/SHE NEVER, WITH THE SLIGHTEST THOUGHT, THINK WHO WILL GET THE CREDIT".

As for the bridge issue, I have the same thought as our friend .. Gravity on June 30, 2010

"Cant imagine Tuanku Sultan Johor has far more sighted than the 5th PM. DS Najib should make people believe that the viability of the bridge is vital important since he took over the office and should not wait any longer as it will be more crooked from its originality.

The crooked bridge has the best design ever and would make another triumph landmark to our nation that rather envy the neighbouring singapore. What a spirit of good neighboring would be ?"

To think of it, the crooked bridge is not bad an idea. It will symbolise the kind of relationship we have been having with our neighbour for the future generation to learn from in order to make it better. We can expect much from our neighbour simply because to them, MONEY is not everything but the ONLY THING in life.

So build one..so be it. May Allah bless us all. Ameen....

By AbdullahAuthor Profile Page on July 1, 2010 5:00 PM

Kalau Najib tak teruskan jambatan bengkok tu, Tun boleh cari penggantinya. Tun mampu berbuat demikian sebagaimana Tun lakukan keatas Tun Abdullah Ahmad Badawi. Tun selalu kata kepentingan negara lebih diutamakan.

By obbi71Author Profile Page on July 1, 2010 4:32 PM

Saya dah tinggal di JB dah lama...dah tengok dan dah faham masalah yang dihadapi oleh pengguna2 di causeway. Saya dah rasa masalah di causeway. Dulu tertanya2 bila nak ganti causeway yang semakin sempit dek kenderaan terlalu banyak. Cooperate dengan Singapura dan buat aje le. Kalau present PM dah settle isu KTM, takkan isu jambatan tak boleh settle.

By HI57Author Profile Page on July 1, 2010 4:23 PM

Yg Bhg Tun,

Untuk makluman Tun, mungkin saya, MatJB dan ramai lagi di luar sana adalah di antara pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam isu ini. Setiap hari sepanjang 30 tahun lalu kami adalah pengguna jalanraya/causeway dan dengan pengalaman sebegini, wajarlah sekiranya Tun memberikan sedikit ruang untuk mendengar dan meneliti ulasan kami.

Beginilah Tun, kami sudah melihat pelbagai rancangan dan pelan pembangunan bandaraya ini sejak

tahun 1970an lagi. Saya pernah melihat sendiri sebuah pelan pembangunan yang dimajukan kepada Tun semasa Tun sendiri yang menjadi menteri perdagangan dahulu kalau tidak silap. Dan juga pelan hasil pemikiran TS Mahyuddin semasa beliau menjadi MB. Sememangnya kami sentiasa memberikan sokongan sepenuhnya kepada apajua pelan pembangunan terutamanya pelan pembangunan oleh TS Mahyuddin. Ianya yang amat cantik, konsep yang cukup baik, dan cubalah lihat kembali pelan-pelan pembangunan tersebut dan teliti.....adakah tercatat sebuah CIQ di dalam apajua pelan-pelan pembangunan itu?

Cuba renung kembaliapa tujuan membina laluan kedua atau "second link", yang terbukti sebagai satu mercutanda membuktikan semangat kerjasama di antara kedua-dua kerajaan telah berjaya dilaksanakan dengan perancangan yang rapi dan teliti.

Dengan menelan belanja begitu banyak tetapi sekarang....amat merugikan kerana second link ini hanya digunakan pada kadar yang sangat minima, kalau tidak percaya pergilah Tun dan luangkan masa dan melihatnya sendiri....amat mendukacitakan dan berharap dengan cadangan penurunan caj tol akan memberikan insentif dan galakan mereka menggunakan laluan kedua ini.

Sepatutnya kesemua pengangkutan perdagangan melalui laluan ini dan tidak perlu ke Singapura melalui causeway dan seterusnya menyesakkan lagi lalulintas di bandaraya ini.

...tetapi malangnya disebabkan seorang dua yang mungkin mendapat ruang dan berkesempatan, mungkin semasa minum pagi dan menunggang kuda bersama telah menunjukkan kehebatan kertas kerja membangunkan bukit cagar..maka projek mega CIQ pun menjadi kenyataan dan Alhamdulillah, tidak dihabiskan baki duit rakyat untuk jambatan bengkok mengikut nafsu ...akhirnya kita rakyat jelata yang menjadi mangsa..duit habis dan tetapi permasalahan pokok yang kami hadapi setiap hari masih belum diselesaikan lagi.

Tun! mengapalah tidak diberikan ruang untuk orang awam memberikan pandangan dan komen ke atas pelan pembangunan CIQ dan causeway sebagaimana TS Mahuyiddin lakukan dahulu? Amat menyedihkan..menhabiskan duit rakyat dengan tidak mengikut keutamaan dan keperluan tetapi mmungkin ikut hawa nafsu agaknya..."maaf" mungkin beremosi sedikit..sebab terlalu penat kerja siang malam dan bayar cukai tetapi duit rakyat amat mudah sangat dihabiskan begitu sahaja.

Saya sendiri berpeluang mendengar, dan bersama-sama dengan bekas Dato' Setiausaha Kerajaan Johor, dan kita semua amat setuju idea untuk menaiktaraf causeway ini....tetapi tidaklah perlu menghabiskan duit rakyat sampai RM2.4 billion. Pelan alternatif secara lebih telus dan bersistem, nilai kos pembangunan dianggarkan di antara RM600 hingga RM700 juta sahaja sudah memadai untuk membangunkan semula causeway ini.

Kalaulah betul-betul kita ini sudah banyak sangat duit dan Tun menghayati konsep "rakyat dan bukan ahli perniagaan didahulukan", maka Tun mungkin akan mendengar rungutan kami danpembangunan yang lebih sempurna untuk rakyat jelata akan dapat diberikan keutamaan.

Ini tidak, lebih bernafsu dengan kononnya nak setanding dengan "Sydney Opera", duit rakyat dikorbankan.....

Saya cukup mengharapkan agar Tun ikhlas dan bersikap lebih rasional lagi dalam melihat penyelesaian permasalahan ini. Janganlah mengikut nafsu sangat....tidak mungkin kesemua yang Tun telah rancangkan itu, akan dapat Tun sendiri melihatnya semasa hidup. Alhamdulillah, walaupun umur Tun dipanjangkan oleh Allah SWT, tetapi BERINGATLAH tidak mungkin kesemua yang dirancangkan itu, akan dapat direalisasikan dan dilihat semasa Tun masih hidup.....sabarlah.....berikan peluang kepada para pemimpin dan generasi akan datang untuk mempertimbangkan secara bijaksana, InsyAllah merealisasikan penambahbaikan causeway akan menjadi kenyataan.

Kalau kita tidak berkesempatan melihatnya, janganlah cuba untuk diletakkan tanggungjawab dibahu orang lain....tidak manis dan tidak bijaksana nampaknya sikap Tun ini.

Penat sahaja usaha-usaha Tun mencari duit banyak-banyak dan lepas itu amat mudah pula hendak dihabiskan.....mungkin tidak berkat agaknya....Wallahu'alam.

By Duyam1968Author Profile Page on July 1, 2010 4:21 PM

Salam sejahtera, Tun,

Saya sebagai orang kampung yang dilahirkan, dibesarkan, berkeluarga dan bekerja di Johor, merasakan bahawa terbinanya jambatan atau tidak bukannya masalah utama.

Masalahnya kenapa sudah kata nak buat dan sudahpun di dalam proses pembinaan kemudian dibatalkan. Yang meluluskan pada awalnya bukannya orang Johor (Ribuan ampun, Tun M) dan yang membatalkan pun bukan orang Johor (Ribuan ampun, Tun A). Kemudian orang Johor hendak diheretkan dalam kancas ini. Saya sebagai orang Johor bukannya seorang yang akan membuat demonstrasi sama ada buat atau tidak. Kita dapat menilai sama ada perkara itu akan memberi kebaikan secara langsung kepada kami atau tidak. Yang buat kecoh hanya orang luar (Ribuan ampun, Tun M dan A). Adakah dengan membina jambatan atau tidak, pendapatan saya akan bertambah, anak-anak saya mendapat pendidikan kelas A, harga barang makanan akan stabil, pihak kerajaan negeri dan tempatan akan memberi perkhidmatan terbaik, Johor Bahru yang dikenali dengan "JB" iaitu "JALAN BERLUBANG" akan tidak berlubang jalannya, banjir kilat tidak akan berlaku seperti dijanjikan IRDA, duit rakyat tidak dibazirkan sesuka hati (kenapalah IRDA hendak bina jalan dipampang dalam suratkhbar mukasurat penuh (pemberitahuan). Beli kereta MPV Mercedes Benz. Bukan ke membazir duit sahaja), bangunan yang terbengkalai yang paling menyakitkan hati (contoh Waterfront, Jalan Storey, Desaru dan Danga Bay) dapat dipulihkan, Jalan Tebrau tidak akan sesak lagi dan banyak lagi.

Saya pergi melawat CIQ dan dapat melihat bagaimana celarunya jejantas yang telah dibuat terpaksa dibiarkan begitu sahaja. Untuk makluman yang membuat keputusan strategik dan eksekutif (Ribuan ampun Tun M and Tun A dan lain-lain), saya membayar cukai sejak mula bekerja tanpa gagal (walaupun seciput). Janganlah membazir duit rakyat sebabkan perbezaan pendapat atau ego. Tolonglah fikir masak-masak dulu. Kalau duit yang "terbelanja" itu diberikan kepada rakyat miskin, rasanya kemiskinan tegar dan bandar dekat Johor ini dah terhapus pun.

Ribuan ampun Tun M, Tun A dan mereka yang sewaktu dengannya.

By huzannaAuthor Profile Page on July 1, 2010 4:19 PM

Assalamualaikum tun Yang Amat Dihormati,

Saya orang JB, menyokong 100%, untuk projek menyambung semula jambatan yang tidak sepatutnya dibatalkan (oleh PM 5 yang lemah gemalai). Siapa kata orang Johor, terutamanya orang JB, tidak mahukan jambatan itu? Sebaiknya, ia disambung semula, sebelum kos semakin melambung pada masa depan. Sebagaimana kebijaksanaan Tun, melaksanakan pembinaan Jambatan Pulau Pinang (1985), kesan pembangunan ekonomi, kelancaran aliran air laut serta mengurangkan kesesakan lalu lintas di negeri itu. Tun telah merancang kelancaran pembangunan negara dengan cemerlang, dan meninggalkan tugas untuk disambung oleh pemimpin selepas itu, tetapi sayang Pak Lah telah mungkir janji. Tun tiada pilihan lain, untuk kedaulatan dan kemakmuran negara Tun terpaksa bersuara. Dengan ini, saya menyokong penuh saranan Sultan Johor. Daulat Tuanku!

Semoga Tun dikurniakan kesihatan yang baik dan dirahmati Yang Maha Esa. Sentiasa bersama Tun, dulu dan kini. Terima Kasih.

By hajiluna2030Author Profile Page on July 1, 2010 3:34 PM

Dear Tun ,

I understand that this bridge is a getting very personal for you . because Maybe you are very confident of the very high dividend that it will bring to the income of our country . I can only imagine how all the ship that our pass Strait will not have to go through Singaporean port . THEY can instead just go straight to Port of Tanjung Pelepas . The ships can pass by under that bridge , then maybe we can go up to be one

of the top five ports in the world .

With all that wealth that will come in with this bridge we can clean up or do whatever it is they say that this bridge will destroy the environmentlah bla bla bla...we will do a makeover like the Korean did to thier river.

Why is the government having so much doubt about this bridge is a very big mystery. We built the highest building once upon a time ago. Why can't we build this tiny little bridge. We will only demolish our part of the couseway once the bridge is done. Nobody will be in harmsway, there will be no traffic jam because of this.

So Tun once again i am going to say that your sincerity towards the future of our country is the key to our success to hopefully to be a great Malaysia one day where we can then conquere the world instead the world conquere us.

By RAZIAuthor Profile Page on July 1, 2010 3:13 PM

Assalam Alaikum wbt

Y, Bhg Tun,

Sebagai sebuah negara yang merdeka kita berhak mempertahankan kedaulatan kita. Jangan isu ini cuma dijadikan gimik politik sahaja.

Oleh itu, ada baiknya Tun mengadakan poll dalam blog ini supaya kita dapat mengetahui berapa ramaikah yang bersetuju tambak diganti dengan jambatan.

RADZI ABDUL RAZAK

Imam Masjid Kampung Rawa, P.Pinang

By MalaymindAuthor Profile Page on July 1, 2010 2:10 PM

Tun,

Datuk Seri Najib seperti biasa 'play safe' dan saya memang tak salahkan dia. What to expect dalam keadaan UMNO dan BN yang masih tak kuat?

Datuk Seri Najib dengan sedaya upaya takkan malukan 'former boss'. Saya ada sebab untuk percaya dalam isu Jambatan ini pun, perkara sama akan berlaku.

Ubah keputusan Tun Abdullah bermakna cuba untuk jatuhkan kredibiliti beliau. Walaupun ironinya Tun Abdullah dulu pun buat perkara yang sama terhadap Tun (dan terbukti lebih teruk hasilnya!)

Jadi, sebagai ahli politik yang baik, saya nampak Datuk Seri Najib biarkan dulu isu ini dibangkitkan oleh orang lain. Sekarang, mungkin dimulakan oleh Sultan Johor sendiri. Kemudian, Tun dan harapannya, lebih ramai lagi yang memberikan komen masing-masing.

Sekiranya majoriti setuju supaya keputusan itu patut diubah, maka perubahan dibuat. Pada waktu itu, Datuk Seri Najib hanya jalankan apa yang ramai orang mahu dan Tun Abdullah (dan penyokongnya) tak boleh buat apa-apa.

Datuk Seri Najib cuma tak mahu hilang sokongan penyokong Tun Abdullah dengan memalukan beliau. Hanya Tun saja yang dilihat boleh menegur kedua-dua Tun Abdullah dan Datuk Seri Najib atas kapasiti bekas Presiden dan bekas Perdana Menteri.

Kadang-kadang bersuara lantang sejak dari dulu ada faedahnya.

By whiteorangeAuthor Profile Page on July 1, 2010 2:03 PM

YBhg Tun,

"Pak Lah jangan susah susah , Pak Lah letak sahaja jawatan , kami di bawah ini sudah pening kepala memikirkan masalah UMNO, mantan Mahathir salah memilih Pak Lah dahulu"

itu adalah antara kata kata jujur yang datangnya dari seorang ketua UMNO cawangan dalam bahagian Labis, sewaktu perjumpaan dan dialog antara ketua ketua UMNO cawangan dalam negeri Johor bersama presiden. Ungkapan itu sebenarnya penuh maksud mendalam. Syukur Pak Lah telah melepaskan jawatan beliau tidak lama selepas itu.

Saya berpendapat bahawa Jambatan Bengkong adalah salah satu isu yang membuat ramai orang Johor marah pada Pak Lah.

1. Pembinaan jambatan itu dilihat sebagai simbol keberanian dan ketegasan pihak Malaysia
2. Masalah penambakan di perairan antara Johor dan Singapura merupakan satu cabaran juga buat Malaysia. Jika anda pernah ke Batam lewat perairan ini, anda pasti tertanya apa motif sebenar Kerajaan Singapura melakukan ini semua. Apakah Singapura begitu terdesak sehingga perlu menambak selat johor sehingga sempit, yang boleh menyebabkan gangguan lalulintas kapal.

Disinilah letaknya maruah dan harga diri kita sebagai sebuah negara dan bangsa merdeka supaya lebih prihatin dan tegas menghadapi cabaran cabaran ini.

Keputusan Pak Lah membatalkan projek jambatan bengkong dengan alasan rakyat Johor tidak setuju adalah satu PEMBOHONGAN TERANG TERANGAN PALING BESAR di lakukan Pak Lah. Pak Lah begitu sombong memperbodohkan rakyat Johor.

Kini saya mahu melihat sejauh mana kredibiliti dan kewibawaan DSN dalam menangani hal ini. Kami tidak mahu melihat DSN sebagai pewaris kepada kegagalan pemerintahan TAB. Rakyat sedang menanti dan memerhati ... DSN harus bertindak bukan sahaja untuk menyenangkan hati rakyat tetapi mesti membuktikan dan bertanggungjawab pada janji janjinya. INGAT .. RAKYAT MENANTI DAN MELIHAT

TUN tetap PM terhebat kurun ini ..

By allyh GombakAuthor Profile Page on July 1, 2010 1:59 PM

Tun,

Tak perlu lagi dibangkit cerita lama tu. Baginda sultan memang mahukan jambatan, tapi mesti kita semua sudah mendengar jawapan dari PM di kaca Tv..menjawab macam hendak ngan tak hendak saja. Saya yakin PM telah terikat perjanjian dgn pm dari seberang tambak tu. Satu keputusan yg sukar samada utk mengikut titah raja dan kehendak rakyat johor atau perjanjian terbaru (yg saya yakin mesti ada) dgn kerajaan singapura.

harap tun tidak lagi membangkit isu jambatan dan pm ke 5 dlm mana-mana ceramah tun. ini akan menjadikan satu lagi tekanan kpd DS Najib. lupakan lah saja jambatan bengkong dan majukan saja wilayah iskandar tuu. Apa lagi nak diharapkan dgn singapura.....Tun sendiri tahu sikap rakyat dan kerajaan mereka.

By Rimba EmasAuthor Profile Page on July 1, 2010 1:47 PM

SALAM BUAT TUN BERDUA MOGA DIRAHMATI ALLAH S.W.T

1) DI PULAU PINANG ORANG SEBERANG PERAI TAHU KALAU BEKERJA DISEBELAH PULAU TERPAKSALAH NAIK MOTORSIKAL UNTUK JIMAT KOS JAMBATAN.

2) GOLONGAN INI RAKYAT JOHOR YANG SELALU ULANG ALIK SUKA ATAU TIDAK PASTI SELEPAS PEMBINAAN JAMBATAN ADA GERENTI TIADA KOS TOL SEPERTI JAMBATAN PULAU PINANG LEBIH BAIK LAGI BAGI MEREKA.

3) MALAH TOLLAH SATU PUNCA YANG BOLEH BERLAKUNYA 'JAM' BERPANJANGAN DAN

MELAMBATKAN. YANG LAIN UNTUK KEBERSIHAN AIR LAUT BOLEH DITERIMA DENGAN BAIK.

4) DULU RIMBA EMAS HAIRAN KENAPA SINGAPURA TIDAK PERNAH BANJIR SEBALIKNYA JOHOR TELAH BERLAKU FINOMINA BANJIR 'FIKIRAN' TENTU ADA MUSLIHAT DENGAN TAMBAKAN OLEH SINGAPURA TAPI KINI SINGAPURA PULA BERLAKU TAHUN INI.Mmm ??

5) BIASALAH ADA YANG KATA UNTUK SOKONGAN 1MALAYSIA PM PERLU BERBAIK DENGAN PAK LAH DAN TUN. TETAPI MENGINGATKAN SEORANG TERSOHOR IMAM AHMAD TIDAK SANGGUP MENJADI PENASIHAT RAJA KERANA TAKUTKAN HUKUMAN ALLAH S.W.T JIKA TERLANGGAR LARANGANNYA?? FIKIR-FIKIRLAH KITA.

6) KEBAIKAN UNTUK KEBENARAN TIDAK BOLEH TUN MEMIHAK KEPADA YANG TUN SOKONG SAHAJA WALAU PUN OLEH SEORANG PERDANA MENTERI DAN PERDANA MENTERI YANG BAIK AKAN TIDAK MEMENTING DIRI SENDIRI UNTUK MENGEKAL KUASA AKAN KEPANDAIANYA.

8) KALAU YANG TERBAWAH SENDIRI DIJAMIN TIADA AKAN BERLAKU PENGAINIAYAAN DAN BERSIH DARI HASIL MENDAPAT HABUAN PROJEK TENTULAH USAHA JAMBATAN ITU DAPAT MERAHMATKAN RAKYAT JOHOR KHASNYA DAN RAKYAT MALAYSIA AMNYA. PENGGUNA MENANG ATAS KOS YANG TERPAKSA DITANGGUNG DAN KERAJAAN MENDAPAT BALIK HASIL YANG SUDAH TENTU BERPANJANGAN.

WALLAHU'ALAM

By JJJAuthor Profile Page on July 1, 2010 1:40 PM

salam Tun,

Saya menumpang rasa bangga kerana kerajaan Kyrgyzstan meminta pertolongan Tun menyelesaikan krisis dalam negara mereka.

Sementara Al memohon maaf dgn yahudi amerika,Tun membantu sebuah negara Islam.

Nampak jelas dan nyata siapa mempunyai 'nawaitu' yang betul.

wassallam

Jeng3

By JJJAuthor Profile Page on July 1, 2010 1:33 PM

salam Tun,

alibabamahathir,

Please provide proof or shut up.

Jeng3

By atanradAuthor Profile Page on July 1, 2010 1:08 PM

Salam Tun yg sentiasa di kasihi,

carry it on Najib. It is not about a landmark, it is about the national pride. prove to the people and make us trust n depend on you. coincide with wilayah iskandar. and thats make up the package. ni yang sigapore tak nak ni.

ni bukan nak bodek Tun, kalau nak bodek 'dah lama dah'..

tapi betul jugak ye..pampasan dah bayar pulak..mmm..problem pulak. apala ke bengap nya PM5 nih!

Tun hari tu pergi K Terengganu, nampak tak stadium runtuh tu. dah jadi mcm tugu peringatan. diaorg nak biarkan dan jadikan model utk tesis kejuruteraan. Apa nama stadium tu..? Tak nak jaga nama baik di stadium tu ke? ni satu lagi kes bengap ni. buat malu BN dan kerajaan je.

salam Tun

By sujiniAuthor Profile Page on July 1, 2010 12:49 PM

Che'Det

- 1.Isu membina Jambatan Bengkok dan merobohkan tambak Johor tidak timbul dalam perbincangan dua hala DS Najib dengan PM Singapura baru baru ini.
- 2.Terang-terang isu ini tidak membawa munafaat kepada Singapura.Kalau tidak sudah tentu dimasukkan dalam agenda Lee Hsien Loong dan DS Najib.
- 3.Kerajaan Singapura umpama telunjuk lurus kelingking berkait.Kalau pun Lee Hsien Loong setuju akan pembinaan jambatan baru antara Singapura dengan Johor,semestinya menguntungkan negaranya.
- 4.Sebaliknya Malaysia tidak kira negara mana yang untung,asalkan individu-individu yang terlibat dapat ganjaran melalui perjanjian yang dibuat.
- 5.Jadinya jambatan baru mungkin dibina,tetapi samada tembok Johor diroboh dan jambatan itu bengkok,masih menjadi tanda tanya.

Terima kasih.

By artdeepAuthor Profile Page on July 1, 2010 12:19 PM

ALHAMDULILLAH...

salam tun yg dihormati, saya mmg setuju!

saya ada dengar dari rakan setempat kerja dgn saya yg menceritakan ucapan almarhum sultan iskandar ketika di majlis formal di danga bay suatu ketika dahulu yg menginginkan jambatan baru..dan mmg saya yakin sultan johor sekarang ini pun mahukan jambatan baru utk saya dan rakyat johor!

sayang tun!

adib

<http://art-deep.blogspot.com>

By JB_FROMAuthor Profile Page on July 1, 2010 11:18 AM

Tun,

Komen Tun pada June 2009,

"Why should we build a bridge to replace the causeway? That part of Johore Bahru where the traffic to and from the causeway meets the traffic going east and west in JB is often jammed. In future as more vehicles go on the roads the jam would certainly get worse.

5. The bridge will join the elevated road to and from the CIQ (Customs, Immigration and Quarantine complex) leaving the traffic east and west to flow freely.

Ketika ini sedang dibina jejambat 4/6 lane baru untuk menghubungkan CIQ kompleks kepada Tambak Johor yang sedia ada, maka soal kesesakkan lalu-lintas pada pandangan saya sudah diperbetulkan.

Saya amat setuju sekiranya jambatan baru dibina atas alasan "Alam Sekitar". Namun untuk berbuat demikian, kemungkinan jejambat yang sedang dibina yang menelan belanja besar harus dirobuhkan. Senario sekarang mungkin berbeza untuk PM sekarang membuat keputusan berbanding dengan PM dahulu.

JB_FROM

By HBTAuthor Profile Page on July 1, 2010 11:03 AM

Ayahanda Tun,

As expected news on Sime Darby...

Thursday July 1, 2010

Sime not on buy list for now say fund managers

They say several areas of the company lack clarity

PETALING JAYA: Fund managers are still not ready to buy into conglomerate Sime Darby Bhd given the absence of clarity in several areas of the company.

"No, we will not buy into Sime at the moment," Danny Wong from Areca Capital, who manages more than US\$300mil in funds, said yesterday.

"We exclude companies with negative newsflow from our buying list unless we are sure they are unfounded rumours. In Sime's case there is some uncertainty," Wong said.

Sime was thrust into the limelight last month after news on the company's cost overruns of about RM1bil hit the market.

Currently, the outcome of a forensic audit report on the company is still pending.

It has also been reported that it remains unclear when Felda Global Ventures Holdings Sdn Bhd president and chief executive officer Datuk Mohd Bakke Salleh, the man entrusted to take over the company following the exit of former head honcho Datuk Seri Ahmad Zubir Murshid, is set to finally step in and assume his new position.

"That is the catalyst the company needs right now and it is missing," a foreign fund manager, who concurred with Wong, remarked.

Following the debacle unravelled last month, investors wasted no time in dumping the stock, sending it to as low as RM7.60 or more than 10% lower prior to the day the news on the cost overruns broke.

Sime shares have recovered a little since, closing 2 sen lower to RM8 yesterday.

Meanwhile, an analyst said Permodalan Nasional Bhd (PNB), which holds 50.89% (direct and indirect stake) in Sime Darby according to Bloomberg's latest data, was unlikely to continue to accumulate shares in the firm in the near term given that the stock price had "sort of stabilised for now."

"I don't think PNB will spend significant money on acquiring more Sime Darby shares," an analyst with TA Securities said.

PNB on June 23 raised its direct stake by 2.8% in Sime.

At the same time, a separate filing yesterday showed that almost the same number of shares were disposed by PNB's biggest unit trust scheme, Skim Amanah Saham Bumiputera, on the same day and the following day.

No transaction price was disclosed.

SIME : [Stock Watch] [News]

For latest Bursa Malaysia indices, charts and other information click here

Related Stories:

Bakke's date with Sime still unknown

Market watching how new CEO deals with ailing Sime

Sime names new CEO

CEO appointment top priority to Sime

Sime's Bakke has vast expertise

Comment:

PM Najib thinks that bilateral trade is so easy to gain fast money as the Lone Ranger aka Satu Melayu by manipulating funds hold by Government GLCs, eg:- Sime Darby, like what they have done in DSAI's time to be repeated in 2010 Nuke World? The 2nd account of EPF withdrawn by the contributors are used to pay housing loan to avoid expensive interest rate, but news reported the other way round. CIMB's Nasir has declared recently that CIMB Investment Arm will employ more remisers for future investment. It's time for UMNOputras to pay back the Poor Dads especially the "Ali Baba and the 40 thieves" whom they have sacrificed for these 53 years using political authority of flip and flop as and wen they like without considering economic woes of the investors and rakyat.

Have A Nice Day Ayahanda Tun.

By nazrimalikAuthor Profile Page on July 1, 2010 10:40 AM

Saya pun tak tahu najib pun against this bridge project (apa cerita ni?). Dulu saya setuju sbb faktor politik (kena ajar skit s'pore tu) disamping selesaikan masalah environmental.

Ucapan syukur kerna titah baginda sultan johor yang merestui pembinaan jambatan tersebut. Congrats to the Johoreans.

Harap Tun sihat. Wassalam.

By HBTAuthor Profile Page on July 1, 2010 9:24 AM

Ayahanda Tun,

May I have the human basic right 2 the comment By Gravity on June 30, 2010 10:46 AM

Dear Gravity,

You are only coining one-sided poltically in the name of Newton Gravity and please stop downgrading Singaporeans as and wen you like in non-gravity world.

It is rather disgusting to see you people behaving like you are the Maha Kuasa to Malaysians and Singaporeans. In the past, we may agree to wat Tun Dr Mahathir said, but not today anymore due to ONE REASON:- ONLINE DEMOCRACY..

You can build and build what you like, they will do whatever is necessary to prevent UMNO power abuse and monopoly.

When US\$ naik, S\$ naik, Oil Price jatuh, RM jatuh, KLCI jatuh.....and we rakyat cannot tahan, they will vote out the ruling government.

Goodday Ayahanda Tun. With naked eyes, we see many of the UMNO putra projects go down to the drain.....no matter how they twist and turn their points as lone ranger....

By Zulka9 Author Profile Page on July 1, 2010 9:24 AM

Salam,

Saya sebagai rakyat Johor, lahir disalah sebuah daerah di Johor (bukan Johor Bahru) walaupun bekerja diluar Johor, ingin melihat tambak Johor digantikan dengan jambatan walaupun jambatan bengkok.

Sering kita dengar kata2 dan slogan PM yang akan memenuhi inspirasi rakyat, jambatan tersebut adalah inspirasi rakyat, maka kerajaan perlu laksanakan.

By HBT Author Profile Page on July 1, 2010 8:49 AM

Ayahanda Tun,

Updates from Malaysian Insider.....

//Perkasa spreads its wings to Ireland

UPDATED @ 06:19:36 PM 30-06-2010

By Boo Su-Lyn June 30, 2010

KUALA LUMPUR, June 30 — Controversial Malay NGO Perkasa launched a Perkasa Club in Ireland last week, adding some 200 students to its membership of close to 100,000.

Suara Perkasa, the NGO's sole official newspaper poised to debut tomorrow nationwide, announced that the club would be headed by Perlis Perkasa head Haji Ameir Haji Hassan.

"We have 200 members in Ireland who joined us," Perkasa vice-president Dr Zubir Harun told reporters today.

"They are undergraduate and post-graduate (students) that include Kadazans, Ibans and other Bumiputeras," he added.

"I have received invitations from students in Belfast, Norway and Dublin who have requested Perkasa clubs to be set up in those places respectively," Haji Ameir was quoted as saying in the Suara Perkasa newspaper article.

Besides Malaysian students in Western countries, Malaysians studying in Indonesia and Egypt have also asked Perkasa to set up clubs there, said Zubir.

Umno also has similar supporters' clubs formed in other countries like Auckland, which was the 48th Umno Club to be set up.

The Malay NGO, led by independent Pasir Mas MP Datuk Ibrahim Ali, has been gaining clout among the Malay electorate on its strong, often provocative stand on Malay rights issues.

An example of Perkasa's firebrand ways was their recent demand for Deputy Education Minister Datuk Dr Wee Ka Siong to be placed under the Internal Security Act (ISA) for allegedly questioning the social

contract.

Although the NGO claims to be non-partisan, Pakatan Rakyat (PR) leaders have accused Umno of outsourcing its extremist views to Perkasa in hopes of gaining support from the conservative Malay electorate.//

By HBTAuthor Profile Page on July 1, 2010 8:35 AM

Good morning Ayahanda Tun,

//By Alibabamahathir on June 30, 2010 2:38 PM//

I have to say that I agree with Alibabamahathir, and there are many Alibabamahathir suffered and scapegoat during Dr Mahathir, Tun Pak Lah, and now DS Najib.

CONCLUSION: REJECT BRIDGE = REJECT UMNOPROFITEERING = REJECT TRADE REDUCTION = REJECT UMNOPOWER ABUSE = REJECT UMNOMONOLOPOLIES (mereka untung, rakyat rugi) = VOTE UMNO OUT = VOTE FOR FAIR AND EQUAL OPPORTUNITY

//By wajaperak on June 30, 2010 4:42 PM
Assallammualaikumwarahmatullahiwabrokatuh..

HBT

....."Gunting dalam lipatan" tersilap gunting wayar merah, biru atau putih, what will happen then, maybe wajarperak..) will be able to come with best alternatives to preserve his agama, bangsa and negara as Bangsa Melayu dan status Bumiputra through voting power in democracy for Tanah Melayu, Malaysia and now 1Malaysia]]

It is all about education. Most muslim have forgotten the essence of the very basic principle education in islamic tenet.

TIADA ORANG DI LAHIRKAN PANGLIMA.//

..wajarperak, we are not saint or angel, we are mortal with no special power or whatsoever. The only way to educate ourselves is to learn from past mistakes. There is one basic rule that we must learn to accept and that is "RESPECT OTHERS AS HUMAN BEINGS". If we are not taught to respect others morally and equally at home, then there is no point of talking about public general education in schools or religion. I agree that..Muslim must take the bull by it's horn..But too much suspicious will only strengthen the power of the Bull..and the main enemy is non other than ourselves.

TIADA ORANG DILAHIRKAN PANGLIMA
should be end pefectly with..TIADA ORANG DILAHIRKAN TANPA IBUBAPA
Have a pleasant day, and so is Ayahanda Tun and Mr Alibabamahathir.

By kmarvAuthor Profile Page on July 1, 2010 3:38 AM

Bayangkan, kalau Pak Lah tak buat hal, Jambatan Bengkok dah pun siap sekarang. Kalau sesiapa ada jumpa Pak Lah, tanya dia, rakyat Johor mana yang kata tak mau, atau dia cuba dengar daripada penasihat dan kroni sekelilingnya.

Kalau ditakdirkan projek ini hidup kembali, guna pelan yang sedia ada, Jambatan Bengkok yang bakal jadi tarikan pelancong bagi Malaysia. Harap tak dilantik konSultan kroni yang bakal peras duit rakyat.

By truthseekerAuthor Profile Page on July 1, 2010 2:40 AM

Salam Tun and fellow bloggers,

It's very refreshing..indeed a good thing to happen, when our Sultan of Johor voiced out his concerns. Only the patriotic ones and those with positive or high self-esteem are supportive of this building of our bridge, for several effective reasons;

1. it's about sovereignty
2. it's about economy
3. it's about politics
4. it's about social
5. it's about military strategies
6. it's about psychology
7. it's about patriotism
8. and others that are positive.

Singapore will find fault with us, especially when things are not to their likings. With all the good stuffs we have provided them, good services, diplomacy, patience...what do we get in return? Singapore treats us like garbage...so, we do not have to please them all the way...not worth it. SINGAPORE IS BATTLE READY TO TAKE US SO WHY WANNA PLEASE SINGAPORE?

Dollah and his goons had their personal agendas that's why Tun's idea about jambatan bengkok was shelved.

Tun, thank you for getting the ball rolling for the coming back of jambatan bengkok...
By Joe Therapist Author Profile Page on July 1, 2010 2:08 AM

Salam Tun,

1. Ya Memang, Saya setuju Jambatan yang dicadangkan memang Perlu.
2. Yang menghairankan, Mengapa asyik ingin Mengenakan Penganti TUN, Yang Dipilih Tun sendiri. Tak habis habis. Dulu mengutarakan Isu Blok Minyak Di perairan Brunei.. Sekarang Ini. Mesti ada Sebabnya. Tun seperti ada Agenda ingin Memburukkan Pengganti TUN, Yang dipilih TUN sendiri...
3. Yang saya pasti, Projek akan menelan Wang Rakyat lagi. Dan akan masuk ke kroni Kerajaan. Dari Jutaan Ke billion.. Seperti Pembinaan Istana Mahligai di Jalan Duta... Soalnya, Syarikat Siapa? Siapa nak kaya sekarang? Pembinaan Istana di ambil Syarikat tanpa Tender, dan and yang tak ada pengalaman Pembinaan. Pekerja tidak dibayar... Adakah ini sekarang budaya disini. Asyik inginkan projek Jutaan tapi tak ada Tanggungjawab. Liar dan Mata Duitan sahaja.
4. Memang ada kebaikan Jambatan ini. Tetapi baru baru ini, Idris Jala kata Malaysia nak Bangkrap tahun 2015. Subsidi nak dihapuskan. Tapi nak juga Bina Parlimen baru di Putrajaya, Nak juga jambatan. Wang projek dari mana??? Nak ambil Pinjaman dari Bank China seperti untuk pembinaan jambatan kedua di Penang. Adakah kita sanggup mengambil Hutang lagi? Nak ambil dari Felda, Mara, Sime Darby? Berjaya Mungkin?
5. Ya. Memang Perlu Jambatan ini. Kerana Koridor Iskandar sekarang macam rumah Hantu sebab Semua Kapal berlabuh di Singapore. Tiada sebab syarikat perlu berniaga disana. Satu 'White Elephant' yang telah menelan Jutaan Ringgit..Entah kemana sekarang. Memang perlu jambatan ini Tun.
6. Tun masih dalam Era Tun yang menyarankan Mega Projek untuk pertumbuhan Ekonomi. Saya rasa itu Arah Tun Sebenarnya. Memang Bagus cadangan ini. Memang Perlu. Yang saya tak sokong ialah bila Kroni Kerajaan yang mendapat habuannya. Terus Kaya Raya. Membina mahligai Idaman Sendiri dengan Duit Rakyat... Yang itu, saya Tak setuju.
7. Teruskan Perjuangan Tun. Mungkin Tun akan dapat Menikamti Jambatan Johor-Singapore tak Lama lagi...

Salam Selamat dan Sentiasa Bahagia.
By 6 JahanamAuthor Profile Page on July 1, 2010 2:03 AM

Semua individu ada personal agenda,
walau alasan yg diberi masuk akal,tetap personal agenda
is the issue.
Nak bina jambatan ala sendiri,ala kepentingan sendiri teruskan,
jangan hiraukan alasan yg diberi.Alasan mereka kepentingan mereka.

Bukan Win Win.1 win,1 will definately lose.
No such thing as win win.

Kebodohan PakLah,mengizinkan perubahan pada visual Mahathir,
mencerminkan Kelemahan kerajaan Malaysia.
Belok sana belok sini macam formula 1 punya trek.
Design semua turun bas menghala ke City Square,kepuayaan Singa
bukti design system double standard.

Saya lebih perihatin tentang isu IDR.
Ia mengundang tanah kita ditakluki.
Mengizinkan mereka membangun Johor,istilah mengundang tanah kita dijelajah secara
economy,memberi mereka hak bersuara,lambat laun akan jadi milik mereka.Secara economy dahulu
kemudian mereka akan bersuara di arena politik,gulung tikar UMNO.
Kerajaan Malaysia memang belum bersedia bagi mengundang pelabuhan luar,sebab mereka tidak ada
system bagi mempertahankan hak rakyat,
dan tak mampu punya system mengawal economy dan meraup cukai yang lumayan.
Satu contoh,beribu pekerja Malaysia yg masuk Singapura harian.
Belum sarapan pagi sudah kena bayar levy motor \$4-, belum lagi yg lain,ERP, saman dan
sebagainya.Pelancung kita,belum masuk Singa dah kena bayar Vehicle Permit,belum yg lain.
Pelabur akan untung,Malaysia akan rugi.
Malaysia akan tergugat oleh pendatang asing.
Jangan kita megah dengan pembangunan mereka di tanahair kita,
Ia bukan milik kita.Kita hanya melihat saja,tak memilikinya.
Cantik pembangunan tapi bukan milik kita.
Kita hanya menang syiok saja.
Ada lebih aman rumah buruk,tetap hak kita,dan kita tuan punya.
Kita Tuan rumah,kita boss kita sendiri.
Saya amat perihatin isu IDR
By Nothing But WindAuthor Profile Page on July 1, 2010 1:27 AM

Dear Tun Dr M,

Pertama sekali, saya ingin tahu siapakah arkitek jambatan tersebut dan siapa-siapa yang
mencadangkan, menerima, menyokong jambatan yang sebegitu rupa dan bentuk. Kita tak perlu
cendekiawan ataupun saintis untuk mengatakan jambatan Tambak Johor itu adalah sememangnya tidak
sesuai dari pelbagai sudut. Saya memang hairan macam mana Singapura, dengan pelbagai "intelekt"
turut merestui sebuah jambatan yang sebegitu bentuk.

Saya pernah bertugas di Johor Bahru selama 2 tahun yang lalu. Dari apartmen saya, bolehlah saya
nampak air laut antara JB dan Singapura. Bila saya melihat air laut pada waktu siang airnya berwarna
kehitaman dan bukannya biru ataupun hijau! Walaupun saya tak pandai dalam subjek sains di sekolah
dulu, saya boleh jelaskan bahaya airnya sudah terlalu kotor dan kekotorannya hanya boleh dihilangkan
jika air di kedua belak tambak Johor mengalir tanpa batasan.

Saya cuma seorang yang berkelulusan biasa. Memang ada ramai intelek dalam pentadbiran Malaysia
serta Singapura. Tak akanlah mereka tak tahu perkara mudah sebegini. Adakah Singapura takut jika

jambatan baru dibina maka monopoli pelabuhannya terjejas. Ataupun, mungkin kedua-dua negara jiran itu melakukan sesuatu konspirasi yang rakyat Malaysia biasa tidak boleh tahu.

Seruan saya ialah mengapakah jambatan baru di bina menggantikan Tambak Johor yang banyak mempunyai unsur negatif ? Kedua-dua kerajaan Malaysia dan Singapura perlu menjelaskannya kepada rakyat masing-masing.

By zamanAuthor Profile Page on July 1, 2010 12:31 AM

Salam Sejahtera Tun dan keluarga.

Tun I doubt Ds Najib will proceed with the jambatan.

Tengok sahaja baru jadi PM tanah KTMB dah di serahkan.

Tun begitu berani mempertahankan nya.Hingga lee kuan yu sanggup berjumpa Tun beberapa kali supaya tanah KTMB di lepas,tetapi Tun tetap mempertahankan nya.

Ds Najib belum pun setahun.Saya merasakan Ds Najib tidak wajar menyentuh perkara sensitive seperti tanah KTMB sebelum UMNO di kukuhkan semula.Saya berpendapat kukuh kan UMNO dan BN dahulu baru melompat kepada perkara perkara yang sensitive begini.Kita jangan hanya membuat andaian bahawa BN akan menang di pru 13.

Kekalahan BN di pru 12 adalah di sebabkan keangkuhan dan kelalaian pemimpin apa bila menang besar di pru 11.

Tun negara asing sanggup hendak mengambil Tun sebagai penasihat dan pendamai,kenapa tidak Malaysia.Hairan lah TUN.

Tun kepimpinan MU masih di nanti.Semoga Tun dan keluarga di rahmati Tuhan.

By pppzAuthor Profile Page on June 30, 2010 11:39 PM

Salam YAB Tun,

Zaman umat manusia bergantung kepada cara pengangkutan laut akan berakhir atau akan menjadi tidak popular atau mungkin sebagai alternatif yang terakhir suatu hari kelak disebabkan berbagai masalah rumit untuk diselesaikan seperti pencemaran, kemalangan, lanun, dsn.

Kemungkinan besar setiap negara yang berjiranan akan berhubung terus antara satu dengan lain melalui sistem jalanraya dan jambatan yang lebih selamat dan pantas bersama aliran sistem pengangkutan seperti keretapi laju untuk membawa manusia dan barang-barang dagangan.

Maka adalah hampir mustahil masa itu sesebuah negara yang maju dan kaya merupakan sebuah pulau terpencil dengan sendirinya tanpa dihubungi dengan jambatan bersama jiran-jirannya.

Hanya negara-negara yang sombong dan suka bermusuhan diantara satu sama lain sahaja yang akan menyekat dan menyukarkan arus pergerakan manusia diantara sempadan-sempadan mereka.

Wassalam.

By hasnilAuthor Profile Page on June 30, 2010 11:34 PM

Dear Tun,

I'm referring to mat jb comment. Think of the environmental aspect and not only on economic. Yes the pay there are much higher and diverting all lorries to 2nd link will ease the traffic flow but you as a johorean must also respect the majority. Johorean wants the bridge to be built.

tq

By samuraiAuthor Profile Page on June 30, 2010 11:26 PM

tun,

semua rakyat mahukan jambatan tersebut kecuali pak lah...

harap najid tahu kehendak rakyat.

By HajarAuthor Profile Page on June 30, 2010 11:20 PM

Salam YAB dan diKasihi Tun,

1. Saya SETUJU yang jambatan di sebelah kawasan Malaysia dibina dengan kadar SEGERA.

2. Saya juga SOKONG soalan-soalan yang Tun utarakan dalam perenggan 6. Kalau benar ada perjanjian di antara PM ke-5 dengan DS Najib, pada pandangan saya perjanjian tersebut sudah tidak relevan (terbatal, kerana besar kemungkinan ianya bersifat peribadi sahaja) demi menjaga KEPENTINGAN rakyat Malaysia AMNYA. Kononnya "RAKYAT DIDAHULUKAN..." Inilah masanya DS Najib membuktikan slogan 1Malaysia beliau yang pada pandangan saya masih lagi diawang-awangan & KABUR.

3. Terima kasih Tun kerana masih lagi berjuang untuk kepentingan rakyat Malaysia. Kepada mereka yang masuk ke blog Tun dan melemparkan pelbagai TUDUHAN MELULU terhadap Tun tanpa mengemukakan bukti, anda adalah PENGECUT & TAK TAHU MALU. Please do not waste Tun's blog space.

*** Saya doakan Tun sekeluarga sentiasa sihat sejahtera & dilindungi Allah SWT ***

By razakAuthor Profile Page on June 30, 2010 11:15 PM

Assalamualaikum w.b.t Ayahanda Tun dan isteri,
Semoga dipanjangkan umur dan dimudahkan rezeki

Saya amat bersetuju jambatan bengkok menggantikan tambak johor. Dah berdekad-dekad air tak mengalir kat situ, tersekat oleh tambak johor. Jangan dengar cakap sdr ALIBABAMAHAHIR mengenai equal profit between Malaysia & Singapore. Sebabnya, Singapura sentiasa untung bila buat sebarang perjanjian dengan Malaysia. Tengok saja perjanjian air. Malaysia rugi sepanjang-panjang perjanjian itu berkuatkuasa. Singapura akan cuba putar belit bila jambatan bengkok nak dibuat sebab jambatan bengkok membolehkan kapal-kapal dagang lalu dibawahnya. Pertama, ini menyebabkan pembangunan perkapalan (dockyard, marina, dan lain2) akan bercambah di sepanjang pantai Johor mengadap Singapura. Kedua, nelayan-nelayan Malaysia akan meningkat di kawasan tersebut dan menambahkan kesusahan kepada kawalan keselamatan agensi marin Singapura. Ketiga, Singapura nak pasir Malaysia sebagai timbalbalas jambatan bengkok. No pasir, no talk. Itu yang sebenarnya yang paling penting. Pasir dari Malaysia akan ditambak di Pulau Tekong bagi menyempitkan laluan ke pelabuhan Pasir Gudang (berhampiran TLDM Tg Pengelih) sehingga semua kapal dagang takut nak ke Pasir Gudang sebab air pasang dan surut sangat laju kat situ. Tapi dalam tak bagi tu, hampir 700 lori ulang alik angkut batu, pasir, pasir halus, pasir silika, pasir sungai, quarry dust, batu kecil, batu besar, batu gunung, batu bukit dan semua jenis batu dan pasir yang ade kat Malaysia ni. Yang peliknya, dah tau Singapura nak tambak laut, kenapa kerajaan tak haramkan saja eksport semua jenis batu dan pasir ke Singapura. Kalau susah kerana termaktub dalam Akta-Akta yang lama tak dipinda, buatlah pindaan segera.

